



**SIARAN AKHBAR**  
**KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**KEMENTERIAN KESIHATAN MENERIMA BARANG SAMPINGAN MAKMAL DAN  
PERALATAN BAGI KEPERLUAN *GENOME SEQUENCING MACHINE COVID-19***

**Tarikh: 17 November 2021**

Kementerian Kesihatan telah menerima barang sampingan makmal dan peralatan-peralatan untuk memudahkan penggunaan *Genome Sequencing Machine* kepunyaan Kementerian Kesihatan. Sumbangan itu bertujuan untuk menyokong Negara Brunei Darussalam dalam menangani pandemik COVID-19 dan mengembangkan lagi keupayaan tempatan dalam bidang genomik. Barang tersebut telah diserahkan oleh Pemangku Pengarah Agensi Pelaburan Brunei (BIA), YM Haji Sofian bin Mohammad Jani kepada Setiausaha Tetap, Kementerian Kesihatan, YM Awang Haji Maswadi bin Haji Mohsin.

Upacara penyerahan tersebut diadakan di Makmal Klinikal Diagnostik Molekular bagi Penyakit Berjangkit, Jabatan Perkhidmatan Makmal di Kg. Bukit Bendera, Tutong.

Sumbangan tersebut terdiri daripada barang seperti peti sejuk makmal, *reagent kits*, bahan guna habis (*consumables*) dan barang-barang sampingan untuk meningkatkan operasi *genetic sequencer DNBSEQG50*. Hasil sumbangan tersebut adalah daripada rakan kongsi pelaburan strategik BIA.

Sumbangan barang sampingan makmal dan peralatan-peralatan ini dapat mengukuhkan lagi keupayaan Kementerian Kesihatan dalam membendung pandemik COVID-19 dengan meningkatkan penggunaan *genome sequencing machine* yang ditempatkan di Makmal Klinikal Diagnostik Molekular bagi Penyakit Berjangkit, Jabatan Perkhidmatan Makmal di Kg. Bukit Bendera, Tutong.